

D530

U B696 DEB
MAHATHIR - ANUGERAH

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENERIMA ANUGERAH DIPLOMA KEHORMAT FELLOWSHIP PERTUBUHAN JURU UKUR MALAYSIA (ISM) DI MAJLIS MAKAN MALAM DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

ANUGERAH ITU DISAMPAIKAN OLEH PRESIDEN ISM, ENCIK MOHAMAD FAIZ HAMID.

DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN PENERIMA PERTAMA DIPLOMA ITU SEJAK ISM DITUBUHKAN 25 TAHUN LEPAS.

ANUGERAH ITU DIBERIKAN KEPADA PERDANA MENTERI SEBAGAI MENGENANG JASA DAN SUMBANGAN BELIAU KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA DAN PROFESION UKUR MENGUKUR. IA MERUPAKAN ANUGERAH TERTINGGI ISM DAN HANYA DIBERIKAN KEPADA SESEORANG YANG BUKAN AHLI JURU UKUR.

DI MAJLIS ITU JUGA PERDANA MENTERI MENERIMA CEK BERNILAI \$20,000 DARIPADA ISM UNTUK DIDERMAKAN KEPADA HOSPITAL MATA TUN HUSSEIN ONN DAN PEMADAM. -- LAGI.

2337MST 28 06 86

D531

U B697 DEB
MAHATHIR - ANUGERAH 2 KUALA LUMPUR

SETIAP PERTUBUHAN ITU AKAN MENERIMA \$10,000. WANG ITU DIPEROLEHI DARIPADA PERLUMBAAN WALKATHON AMAL YANG DIADAKAN MINGGU LEPAS.

DERMA ITU DIBERIKAN SEBAGAI MENYAMBUUT ULANGTAHUN KE-25 ISM.

ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI MERUPAKAN ANTARA LEBIH 300 ORANG YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU. -- BERNAMA.

2338MST 28 06 86